

## Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)

*Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)*

Mohd 'Adli Zahri, Fatin 'Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan ✉

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Unit Amanah Islam (DUAI) di Malaysia meningkat daripada RM27.86 bilion pada tahun 2011 kepada RM60.91 bilion pada tahun 2016 seterusnya kepada RM128.33 bilion pada tahun 2021. Hal ini mempamerkan peningkatan sebanyak 360.62 peratus bagi tempoh 2011 kepada 2021. Persoalannya, mengapakah peratusan peningkatan NAB DUAU begitu mendadak? Apakah pemilihan DUAU disebabkan oleh faktor intrinsik (kefahaman terhadap pelaburan DUAU dan pulangan maslahat)? Apakah pemilihan DUAU disebabkan oleh faktor ekstrinsik (pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan)? Artikel ini oleh itu bertujuan mengkaji persepsi pelajar Muslim UniSZA seperti berikut. Pertama untuk mengenal pasti faktor pemilihan terhadap pemilihan pelaburan DUAU. Kedua untuk menganalisis persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap faktor pemilihan pelaburan DUAU. Data diperoleh daripada 300 orang responden kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Dapatan pertama mempamerkan bahawa persepsi positif terhadap semua dimensi, yang mana dimensi tertinggi ialah keyakinan dan ibadat, manakala dimensi yang terendah ialah kefahaman terhadap pelaburan DUAU. Dapatan kedua mempamerkan bahawa faktor ekstrinsik lebih dominan dan signifikan dalam pemilihan pelaburan DUAU berbanding faktor kepatuhan beragama dan intrinsik. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung kepada perkara-perkara ekstrinsik berbanding faktor dalaman diri. Kesimpulannya, pihak pengendali DUAU perlu memberi perhatian kepada ciri-ciri produk dan perkhidmatan untuk menarik minat masyarakat menyertai pelaburan DUAU.

### KATA KUNCI

Nilai Aset Bersih, Dana Unit Amanah Islam, Faktor Intrinsik, Faktor Ekstrinsik, Kepatuhan Beragama.

### ABSTRACT

The Net Asset Value (NAV) of Islamic Unit Trust Funds (IUTF) in Malaysia experienced a significant increase, rising from RM27.86 billion in 2011 to RM60.91 billion in 2016, and further escalating to RM128 billion in 2021. This reflects a substantial 360 per cent increase between 2011 and 2021. This sharp uptick raises the question: What are the driving forces behind the sudden surge in IUTF's NAV? Could it be due to intrinsic factors, such as a better understanding of IUTF investments and their returns, or could it stem from extrinsic factors like marketing strategies and product or service characteristics? This article aims to examine the perceptions of UniSZA Muslim students concerning IUTF investments. Firstly, it seeks to identify the decisive factors influencing their selection of IUTF investments. Secondly, it aims to analyze their perceptions about these influencing factors. Data were gathered from 300 respondents and analyzed using both descriptive and inferential statistics. The first finding revealed positive perceptions across all dimensions, with the highest being confidence and religiosity, while the understanding of IUTF investment was the lowest dimension. The second finding indicated that extrinsic factors played a more dominant and significant role in IUTF investment selection than religiosity and intrinsic adherence factors, suggesting that students lean more towards extrinsic elements

### Article History

Received: November 29, 2023

Revised: January 9, 2023

Accepted: December 11, 2022

Published: June 15, 2023

### ✉ Contact

Nurul Ilyana Muhd Adnan  
(Corresponding Author)  
ilyana\_adnan@ukm.edu.my

### Citation

Mohd 'Adli Zahri, Fatin 'Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan. 2023. Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI). *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 19-28.

### Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

*compared to internal factors. In conclusion, IUTF operators must focus on enhancing their product and service features to attract broader community participation in IUTF investments.*

#### KEYWORDS

*Net Asset Value, Islamic Unit Trust Funds, Intrinsic Factors, Extrinsic Factors, Religiosity.*

## PENDAHULUAN

Pelaburan adalah aktiviti pembelian instrumen kewangan atau aset dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan atau manfaat akan datang. Antara pelaburan yang popular ialah Dana Unit Amanah (DUA). DUA diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1959. Perkembangan Industri DUA di Malaysia sebenarnya dapat dibahagikan kepada empat tahap iaitu pertama, tahun pembentukan dari 1959 hingga 1979; kedua, tahun penggalakkan dari 1980 hingga 1990; ketiga, tahun pertumbuhan dari 1991 hingga 1999; dan keempat, alaf baru. DUA dekad pertama, iaitu semasa tahun pembentukan 1959 hingga 1979, perkembangan industri DUA agak lembab disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat terhadap produk pelaburan baru (FIMM, 2005).

Dana Unit Amanah Islam (DUAI) merupakan sebahagian daripada DUA. Pada tahun 1993 DUA telah dilancarkan oleh Arab-Malaysian Unit Trusts Berhad (kini dikenali sebagai Am Investment Services Berhad). DUA merupakan satu dana pelaburan kolektif yang menawarkan peluang pelaburan kepada pelabur dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah (Ismail & Hassan, 2006). Oleh hal demikian, maka satu Majlis Penasihat Syariah (MPS) diperlukan untuk kawal selia operasi DUA. Fungsi utama MPS adalah untuk menyelia dan memberikan nasihat yang perlu bagi memastikan DUA berteraskan Syariah yang ditawarkan kepada orang ramai diurus dan ditadbir mengikut keperluan Syariah (FIMM, 2005).

Dalam mengelaskan status Syariah bagi sekuriti yang didagangkan, MPS menerima input dan sokongan daripada Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti mengumpulkan maklumat tentang syarikat daripada berbagai-bagai sumber seperti laporan kewangan tahunan syarikat, jawapan syarikat kepada borang tinjauan dan melalui pertanyaan yang dibuat kepada pengurusan syarikat masing-masing (FIMM, 2005).

Jadual 1 mempamerkan NAB pelaburan dalam semua DUA iaitu termasuk DUA bagi tahun 2011, 2016 dan 2021. Nilai NAB bagi pelaburan dalam DUA meningkat daripada RM27.86 bilion pada tahun 2011 kepada RM60.91 bilion pada tahun 2016 dan seterusnya meningkat kepada RM128.33 bilion pada tahun 2021. Peratusan peningkatan itu amat

memberangsangkan iaitu 11.17 peratus kepada 16.99 peratus dan seterusnya melonjak kepada 24.22 peratus masing-masing. Bagi tempoh 2011 kepada 2021, sekitar 10 tahun, peningkatan NAB untuk pelaburan DUA mencecah 360.62 peratus

Jadual 1: Jumlah Dana Amanah di Malaysia

Tahun	NAB DUA (bilion)	NAB DUA I (bilion)	Peratusan
2011	RM 249.46	RM 27.86	11.17
2016	RM 358.47	RM 60.91	16.99
2021	RM 529.89	RM 128.33	24.22

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2011, 2016 dan 2021

Fenomena ini paling tidak menimbulkan tiga persoalan. Pertama, adakah penghayatan agama dalam masyarakat Islam masih lagi rendah? Kedua, apakah pemilihan DUA disebabkan faktor intrinsik (kefahaman terhadap pelaburan DUA) dan pulangan *maslahat*? Atau disebabkan faktor ekstrinsik (pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan)?

Artikel ini mempunyai dua objektif. Pertama untuk mengenal pasti persepsi pelajar Muslim dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terhadap faktor pemilihan pelaburan DUA. Kedua untuk menganalisis persepsi pelajar Muslim dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terhadap faktor pemilihan pelaburan DUA.

Perbahasan artikel ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama menyorot tulisan-tulisan terdahulu tentang faktor pemilihan produk kewangan Islam sebagai latar belakang. Kedua menjelaskan metodologi yang dipakai dalam membuat analisis data. Ketiga membincangkan dapatan kajian khususnya tentang persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap faktor pemilihan pelaburan DUA.

## SOROTAN KARYA

Pemilihan pelabur dalam membuat pelaburan dalam DUA dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya dipengaruhi oleh tiga faktor utama. Pertama, faktor intrinsik iaitu meliputi persepsi, kefahaman dan kesedaran. Kedua, faktor ekstrinsik iaitu meliputi pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan. Ketiga, kepatuhan beragama iaitu meliputi ihsan kepada Allah, ihsan kepada ibu bapa dan masyarakat; dan ihsan kepada alam dan haiwan (Zahri, 2019).

### 1. Faktor Intrinsik

Persepsi terhadap patuh Syariah dan saiz dana mempengaruhi secara signifikan semasa membuat pelaburan dalam kalangan pelabur runcit di Malaysia (Kamil, Subramaniam, Ali, Musah & Alex, 2018). Walau bagaimanapun, faktor pemilihan yang paling signifikan dalam kalangan pelabur Muslim ialah persepsi terhadap patuh Syariah (Jamaludin, Smith & Gerrans, 2012). Ia lebih terserlah persepsi dalam kalangan pelabur terhadap saham-saham patuh Syariah itu sendiri (Jawada & Ellouz, 2019).

Kefahaman pelabur terhadap prestasi kewangan adalah faktor penting dalam pelaburan DUAI. Hal ini kajian membuktikan bahawa kerana prestasi kewangan DUAI adalah lebih baik berbanding DUA bagi tempoh 2010 hingga 2017 (Arif, Samim, Khurshid & Ali, 2019). Malah pendedahan risiko (*risk exposure*) DUAI adalah yang lebih rendah berbanding dengan DUA bagi tempoh dari 2009 hingga 2016 (Naveed, Khawaja & Maroof, 2020). Semasa krisis kewangan misalnya, walaupun kedua-dua DUAI dan DUA konvensional mengatasi prestasi lebih tinggi daripada pasaran, DUAI menunjukkan prestasi yang lebih baik sedikit daripada DUA konvensional (Alwi, Ahmad, Hashim & Naim 2019).

Faktor kesedaran turut mempengaruhi dalam pemilihan pelaburan DUAI di Malaysia (Zahri, Melzattia, Sari & Yahaya, 2020). Oleh hal demikian, pertumbuhan DUAI di Malaysia dijangka akan meningkat lebih tinggi daripada DUA konvensional (Atta & Marzuki, 2019). Aktiviti promosi seterusnya akan menentukan tahap kesedaran terhadap manfaat daripada pelaburan dalam DUAI (Isa, Azzahra & Mohamed, 2019). Majoriti orang ramai di Malaysia misalnya sedar tentang Minggu Saham Amanah anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) (Bakar, Nawāwī & Salin, 2015), akan tetapi mereka masih tidak berminat untuk melabur (Tripathi, 2020; Rehan, Naz, Umer & Ahmed, 2018).

### 2. Faktor Ekstrinsik

Syarikat pelaburan DUA perlu memperkenalkan strategi pemasaran dan promosi produk mereka dengan lebih agresif (Bakar, Nawāwī & Salin, 2015). Media massa merupakan suatu cara paling efektif dalam usaha menyalur dan menyebarkan maklumat produk kewangan khasnya mengenai DUA konvensional (Ramli, 2017). Namun e-pemasaran (*e-marketing*) adalah sangat berpengaruh ketika membuat keputusan untuk melabur dalam DUAI (Nurjannah, Muhammad & AB, 2020). Tindakan ini penting kerana pemasaran mempengaruhi secara signifikan dalam pemilihan pelaburan DUAI di Malaysia (Zahri, Melzattia, Sari, & Yahaya, 2020).

Ciri-ciri produk seperti saiz, nisbah belanja, nisbah pusing ganti portfolio, dan tempoh pelaburan mempengaruhi strategi perniagaan dalam DUA konvensional (Kaur, 2018). Lebih-lebih lagi, pertumbuhan dalam saiz dana dan nilai aset bersih akan memberi kefahaman yang bernilai kepada

pelabur bagi membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan secara secara berhemat (Barbar & Sehgal, 2018). Di Malaysia mempamerkan bahawa ciri-ciri produk atau dana seperti saiz dana dan patuh Syariah mempunyai hubungan yang signifikan (Kamil et. al., 2018).

Perkhidmatan yang ditawarkan mesti telus kerana ketelusan pelaburan amat diberi perhatian oleh kalangan pelabur. Malah ketelusan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaburan DUA konvensional (Rehan, Naz, Umer & Ahmed, 2018). Hal ini termasuk struktur yuran dan belanja yang telah ditentukan oleh pengurusan dana. Apa yang menariknya ialah, semakin aktif pengurusan dana, semakin rendah yuran pengurusan yang dikenakan (Fikri & Yahya, 2019). Apatah lagi pulangan purata DUAI adalah lebih baik daripada pulangan purata pasaran dan pulangan purata DUA. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa DUAI mempunyai prestasi yang lebih baik daripada DUA secara perbandingan (Nafess, Qamar & Ahmed, 2018).

### 3. Kepatuhan Beragama

Kepatuhan beragama mempunyai kesan besar tingkah laku seseorang terhadap etika, sosial, demografi, ekonomi, tabungan dan kewangan (Lestari, Ginanjar & Warokka, 2021). Oleh hal demikian, kepatuhan beragama mempunyai kesan positif yang signifikan dalam meningkatkan penggunaan produk kewangan Syariah seperti simpanan, insurans dan pelaburan (Rahim, Rashid & Hamed, 2016). Dalam penentu pelaburan DUAI jelas mempamerkan bahawa kepatuhan beragama mempunyai hubungan yang signifikan pada tingkat keyakinan satu peratus (Zahri, 2019). Pengukuran religiositi adalah berasaskan manifestasi iman, Islam dan ihsan. Religiositi diukur berasaskan aspek zahiriah seperti melalui kefahaman agama, simbol yang berkait dengan religiositi, kepatuhan kepada disiplin Islam dan akhlak Islam individu (Manap, Hamzah, Noah & Kassan, 2004; Zahri, 2019).

Walaupun bagaimanapun, dalam beberapa kajian, dapatan menunjukkan bahawa religiositi adalah tidak signifikan. Misalnya, tahap religiositi Islam secara amnya tidak signifikan berkaitan dengan peruntukan portfolio (Mahdzan, Zainudin, & Sulaiman, 2017). Dalam kajian turut menunjukkan pemboleh ubah religiositi tidak mempengaruhi penggunaan pelaburan patuh Syariah secara signifikan (Hafis & Kitri, 2018). Dalam kalangan pelanggan perbankan Islam di Pulau Pinang turut menunjukkan bahawa religiositi tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pematuhan produk dan perkhidmatan perbankan Islam (Atta & Marzuki, 2019).

Ketiga-tiga faktor yang disebutkan sebelum ini digunakan dalam mengenal pasti dan menganalisis persepsi pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terhadap faktor pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI).

## METODOLOGI

Kajian ini turut menggabungkan kajian lapangan dan kajian perpustakaan bagi menilai persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap faktor pemilihan pelaburan DUAI. Data primer diperoleh dalam bentuk soal selidik bagi menganalisis persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap faktor pemilihan pelaburan DUAI. Bentuk data yang digunakan ialah data keratan rentas (*cross sectional*) yang bentuk skala *Likert* bertujuan untuk mencapai kedua-dua objektif kajian.

Sebanyak tiga ratus lima puluh (350) set soal selidik telah diedarkan kepada responden dalam kalangan pelajar Muslim di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan (FPP) dan Fakulti Kontemporari Islam (FKI) UniSZA kampus Gong Badak, Terengganu. Pelajar FPP dan FKI UniSZA dipilih disebabkan mereka masing-masing mengambil kursus pelaburan Islam dan pengajian Islam di UniSZA. Sebanyak tiga ratus (300) soal selidik telah kembali oleh responden

Sebahagian besar instrumen pengutipan data menggunakan soal selidik jenis tertutup. Soalan tertutup ialah soalan jenis berstruktur yang mempunyai pilihan yang tetap atau pilihan alternatifnya sudah disediakan oleh penyelidik (Sekaran & Bougie, 2016). Kajian ini mengandungi satu set soalan dengan tiga (3) bahagian. Pembentukan set soal selidik ini diubahsuai daripada set soal Adnan (2010) sebagai panduan. Apabila selesai soal selidik ini, pra-ujian telah dijalankan ke atas sekumpulan bakal responden seperti yang disyorkan oleh Sekaran dan Bougie (2016). Objektif pra-ujian adalah untuk menilai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan pembolehubah pengukuran, dan juga untuk membetulkan apa-apa kekurangan, dalam masa, sebelum kajian berskala penuh.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dilakukan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Analisis yang dilakukan iaitu analisis deskriptif dan kuantitatif. Analisis deskriptif terdiri daripada frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan untuk mengetahui tahap persepsi pelajar Muslim UniSZA. Analisis Regresi berganda dijalankan dalam analisis kuantitatif untuk menjawab objektif kedua.

## 1. Maklumat Asas Responden

Analisis demografi dijalankan ke atas 300 orang responden yang terdiri daripada pelajar sarjana muda Muslim di UniSZA. Profil responden dibahagikan mengikut jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, fakulti, tahun pengajian, sumber pendidikan agama formal dan tidak formal. Jadual 2 menunjukkan profil demografi responden.

Jadual 2: Profil Demografi Responden (n=300)

Profil Responden	Bilangan	Peratusan (%)
<u>Jantina:</u>		
Lelaki	95	31.7
Perempuan	105	68.3
Jumlah	300	100
<u>Umur:</u>		
18-24 tahun	228	96.0
25-29 tahun	12	4.0
Jumlah	300	100
<u>Status perkahwinan:</u>		
Bujang	289	96.3
Berkahwin	11	3.7
Jumlah	300	100
<u>Tahap pendidikan:</u>		
Ijazah sarjana muda	300	100
Jumlah	300	100
<u>Fakulti:</u>		
Perniagaan dan Pengurusan	227	75.7
Kontemporari Islam	73	24.3
Jumlah	300	100
<u>Tahun pengajian:</u>		
Pertama	74	24.7
Kedua	100	33.3
Ketiga	63	21.0
Keempat	63	21.0
Jumlah	300	100
<u>Pendidikan agama formal</u>		
Ada	300	100
Jumlah	300	100
<u>Pendidikan agama tidak formal</u>		
Ada	300	100
Jumlah	300	100

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden adalah terdiri daripada 95 (31.7%) orang lelaki dan 105 (68.3%) orang perempuan. Kepelembagaan peringkat umur dapat dilihat iaitu daripada pelajar dalam lingkungan umur 18-24 tahun (n=228; 96.0%) dan 25-29 tahun (n=12; 4.0%). Pelajar yang berumur 18-24 tahun (n=228; 96.0%) adalah pelajar paling ramai terlibat dalam kajian lapangan ini kerana kelompok umur ini merupakan peringkat umur pelajar yang paling banyak menuntut di UniSZA. Bagi status perkahwinan pula, didapati kebanyakan pelajar masih belum berkahwin (n=289; 96.3%) lebih ramai berbanding pelajar yang sudah berkahwin (n=11; 3.7%). Begitu juga dengan tahap pendidikan responden dan fakulti, didapati kebanyakan pelajar ijazah sarjana muda (n=300; 100%) dan fakulti (n=300; 100%). Kebanyakan responden daripada pelajar tahun kedua (n=100; 33.3%) berbanding pelajar tahun

pertama (n=74; 24.7%), tahun ketiga dan tahun keempat masing-masing (n=63; 21.0%).

## 2. Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI) Mengikut Dimensi Kepatuhan Beragama, Intrinsik dan Ekstrinsik

Pola pemilihan mengikut dimensi dilakukan bagi melihat secara lebih terperinci tentang persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap pelaburan DUAJ. Dapatan ini sekaligus menjawab objektif pertama. Dimensi ini disusun mengikut faktor kepatuhan beragama, faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Skor min diukur mengikut penilaian Oxford (1990) iaitu skor min 3.5 hingga 5.0 adalah tinggi, skor min 2.5 hingga 3.49 adalah sederhana dan skor min 1.0 hingga 2.49 adalah rendah.

Jadual 3: Min responden daripada Faktor Kepatuhan Beragama Dimensi Pertimbangan Halal, Haram dan *Syubhah* dan Keyakinan dan Ibadat

No.	Item	Min	SP
<b>Pertimbangan halal, haram dan <i>syubhah</i></b>			
1	Saya didorong oleh aqidah saya untuk menyertai pelaburan Dana Amanah Islam.	4.53	.923
2	Sebagai seorang Muslim, saya wajib memilih pelaburan Dana Amanah Islam berbanding pelaburan unit amanah konvensional.	4.56	.907
3	Saya tidak akan menggunakan pelaburan Dana Amanah Islam yang diragui kehalalannya.	4.65	.995
4	Saya mengutamakan pelaburan Dana Amanah Islam yang bebas daripada sebarang kontroversi.	4.53	.962
<b>Keyakinan dan Ibadat</b>			
5	Saya mendirikan solat fardu lima kali sehari.	5.31	.811
6	Saya berpuasa di bulan Ramadan.	5.39	.813
7	Saya membaca al-Quran setiap hari.	4.83	.937
8	Saya mendirikan solat sunat setiap hari seperti solat <i>Dhuha</i> .	4.40	.968
9	Islam membantu saya ke arah kehidupan yang lebih baik.	5.38	.897

Jadual 3 menunjukkan responden setuju dengan semua item di bawah pertimbangan halal, haram dan *syubhah*. Majoriti responden bersetuju bahawa dorongan akidah (M=4.53, SP=0.923), kewajipan (M=4.56, SP=0.907), menolak dari menggunakan

pelaburan yang diragui kehalalannya (M=4.65, SP=0.995) dan mengutamakan pelaburan DUAJ yang bebas daripada sebarang kontroversi (M=4.53, SP=0.962) adalah pendorong responden memilih pelaburan DUAJ. Hal demikian menunjukkan bahawa responden memiliki persepsi yang positif terhadap pertimbangan halal, haram dan *syubhah*. Perkara ini penting kerana sebagai Muslim adalah wajib untuk memilih pelaburan yang halal dan bebas dari unsur haram dan *syubhah*.

Jadual 3 turut di atas menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kepatuhan beragama turut berperanan dalam pemilihan pelaburan DUAJ. Responden bersetuju mendirikan solat fardhu lima kali sehari (M=5.31, SP=0.811), berpuasa dibulan Ramadan (M=5.39, SP=0.813), membaca al-Quran setiap hari (M=4.83, SP=0.937), mendirikan solat sunat setiap hari (M=4.40, SP=0.968) dan Islam membantu ke arah kehidupan yang lebih baik (M=5.38, SP=0.897). Ini menunjukkan kebanyakan pelajar melakukan ibadah wajib dalam kehidupan dan begitu menitikberatkan ibadah sunat.

Jadual 4: Min responden daripada Faktor Intrinsik Dimensi Kefahaman Terhadap DUAJ dan Pulangan Maslahat (kebaikan)

No.	Item	Min	SP
<b>Kefahaman terhadap pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI)</b>			
1	Saya tahu adanya pelaburan Dana Amanah Islam.	4.15	1.193
2	Saya tahu pelaburan Dana Amanah Islam dibolehkan dalam Islam.	4.32	1.030
3	Saya tahu bagaimana cara membuat pelaburan Dana Amanah Islam.	3.73	1.222
4	Saya tahu bentuk-bentuk (skim) pelaburan Dana Amanah Islam.	3.79	1.287
5	Saya tahu pihak manakah yang bertanggungjawab menguruskan pelaburan Dana Amanah Islam.	3.71	1.148
6	Saya mendapat maklumat yang mencukupi berkaitan pelaburan Dana Amanah Islam.	3.59	1.183
7	Saya benar-benar memahami konsep dan pelaksanaan pelaburan Dana Amanah Islam.	3.62	1.149
<b>Pulangan <i>maslahat</i> (kebaikan)</b>			
8	Penyertaan dalam pelaburan Dana Amanah Islam memberikan kebaikan kepada dunia dan akhirat.	4.51	.941
9	Urusan pelaburan Dana Amanah Islam dipilih kerana ia bebas daripada	4.49	.973

	unsur riba, <i>gharar</i> dan <i>maysir</i> .		
10	Saya menyertai pelaburan Dana Amanah Islam kerana terdapat unsur berkat dalam kehidupan.	4.25	1.127
11	Pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam menyumbang pembangunan ekonomi umat Islam dan mengembangkan industri pelaburan Dana Amanah Islam.	4.44	.995

Jadual 4 menunjukkan min responden daripada dimensi kefahaman terhadap pelaburan DUAI yang terdiri daripada tujuh item soalan. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar tidak mempunyai kefahaman terhadap pelaburan DUAI. Item no. 3 (M=3.73, SP=1.222), no. 4 (M=3.79, SP=1.287), no. 5 (M=3.71, SP=1.148), no. 6 (M=3.59, SP=1.183) dan no. 7 (M=3.62, SP=1.149) menunjukkan majoriti persepsi pelajar tidak setuju bahawa mereka mempunyai kefahaman yang baik terhadap pelaburan DUAI. Pelajar juga menunjukkan bahawa pemilihan terhadap pelaburan DUAI ini didorong oleh pengetahuan kewujudan pelaburan DUAI (M=4.15, SP=1.193) dan pelaburan DUAI dibolehkan dalam Islam (M=4.32, SP= 1.030).

Jadual 4 juga menunjukkan responden setuju dengan semua item di bawah pertimbangan pulangan *maslahat*. Majoriti responden bersetuju bahawa penyertaan dalam pelaburan DUAI memberi kebaikan kepada dunia dan akhirat (M=4.51, SP=0.941), bebas daripada unsur riba, *gharar* dan *maysir* (M=4.49, SP=0.973), terdapat unsur berkat dalam kehidupan (M=4.25, SP=1.127) dan menyumbang pembangunan ekonomi umat Islam seterusnya mengembangkan industri pelaburan DUAI (M=4.44, SP=0.995) adalah pendorong persepsi responden memilih pelaburan DUAI. Hal demikian menunjukkan bahawa responden memiliki persepsi yang positif terhadap pulangan *maslahat*. Perkara ini menunjukkan responden tidak hanya mengharapkan produk yang memberi kebaikan di dunia tetapi turut juga menitikberatkan faedah sampingan lain di akhirat dan mengembangkan ekonomi umat Islam.

Jadual 5 menunjukkan min responden daripada faktor ekstrinsik dimensi pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan. Di bawah pemasaran, majoriti responden setuju bahawa setuju bahawa risalah (M=4.03, SP= 1.024), iklan di laman sesawang (M=4.21, SP=0.989), menyakini pelaburan DUAI mampu memenuhi keperluan daripada gambaran mengenainya (M=4.25, SP=0.936) dan prestasi pulangan (return) yang memuaskan (M=4.29, SP= 1.053) adalah pendorong persepsi responden dalam pemilihan pelaburan DUAI.

Jadual 5: Min responden daripada Faktor Ekstrinsik Dimensi Pemasaran, Ciri-Ciri Produk dan Perkhidmatan

No.	Item	Min	SP
<b>Pemasaran</b>			
1	Publisiti meluas di media massa tentang pelaburan Dana Amanah Islam mendorong saya untuk menyertai.	3.94	1.120
2	Risalah daripada pihak institusi pelaburan Dana Amanah Islam mendorong saya untuk menggunakan kemudahan mereka.	4.03	1.024
3	Saya mengetahui maklumat mengenai pelaburan Dana Amanah Islam melalui media cetak.	3.98	1.083
4	Laman sesawang ( <i>website</i> ) memudahkan saya mengetahui lebih lanjut mengenai pelaburan Dana Amanah Islam.	4.21	.989
5	Gambaran mengenai pelaburan Dana Amanah Islam membuat saya semakin yakin pelaburan Dana Amanah Islam mampu memenuhi keperluan saya.	4.25	.936
6	Prestasi pulangan ( <i>Return</i> ) Dana Amanah Islam yang memuaskan membuat saya memilih pelaburan ini.	4.29	1.053
<b>Ciri-ciri produk</b>			
7	Perkhidmatan pelaburan Dana Amanah Islam yang sesuai penting untuk saya.	4.38	.900
8	Sistem yang sederhana dan mudah pada pelaburan Dana Amanah Islam penting kepada saya.	4.37	.772
9	Ciri-ciri pelaburan sesuatu produk Dana Amanah Islam penting kepada saya.	4.41	.851
10	Jaminan kerahsiaan maklumat peserta Dana Amanah Islam penting bagi saya.	4.48	.909
11	Jenis pelaburan Dana Amanah Islam yang berisiko rendah membuat saya memilih pelaburan ini.	4.36	.935
<b>Perkhidmatan</b>			
12	Kemudahan di premis agensi penting kepada saya (contoh: tempat letak kereta).	4.40	1.305
13	Lokasi institusi Dana Amanah Islam penting kepada saya.	4.41	1.251
14	Perkhidmatan institusi Dana Amanah Islam yang cekap penting kepada saya.	4.53	.923
15	Layanan kakitangan institusi Dana Amanah Islam yang mesra pelanggan penting bagi saya.	4.61	.847

16	Prosedur Dana Amanah Islam yang mudah untuk sebarang tebus balik ( <i>redeem</i> ) penting bagi saya.	4.52	.986
----	---	------	------

Walau bagaimanapun, terdapat responden yang tidak bersetuju mengetahui maklumat mengenai pelaburan DUAJ melalui media massa ( $M=3.94$ ,  $SP=1.120$ ) dan media cetak ( $M=3.98$ ,  $SP=1.083$ ). Ini menunjukkan bahawa pemasaran melalui media massa dan media cetak masih belum cukup berkesan kepada persepsi responden. Namun begitu, pemasaran turut memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat berkenaan pelaburan DUAJ kepada persepsi responden.

Di bawah ciri-ciri produk pula, majoriti responden setuju bahawa kesesuaian perkhidmatan pelaburan ( $M=4.38$ ,  $SP=0.900$ ), sistem yang sederhana dan mudah ( $M=4.37$ ,  $SP=0.772$ ), ciri-ciri pelaburan ( $M=4.41$ ,  $SP=0.851$ ), jaminan kerahsian maklumat peserta ( $M=4.48$ ,  $SP=0.909$ ) dan jenis pelaburan yang berisiko rendah ( $M=4.36$ ,  $SP=0.935$ ) merupakan pendorong bagi pemilihan pelaburan DUAJ dalam kalangan responden. Ciri-ciri tersebut bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai pelaburan DUAJ. Responden paling bersetuju bahawa jaminan kerahsian maklumat merupakan elemen penting dalam pemilihan pelaburan DUAJ.

Begitu juga dengan di bawah perkhidmatan, majoriti responden bersetuju bahawa kemudahan di premis agensi ( $M=4.40$ ,  $SP=1.001$ ), lokasi ( $M=4.41$ ,  $SP=0.972$ ), kecekapan perkhidmatan ( $M=4.53$ ,  $SP=0.948$ ), layanan kakitangan yang mesra ( $M=4.61$ ,  $SP=1.004$ ) dan prosedur tuntutan yang mudah ( $M=4.52$ ,  $SP=0.986$ ). Layanan kakitangan yang mesra merupakan elemen yang paling dipersetujui oleh responden dan paling penting dalam dimensi ini. Secara umumnya, ketujuh-tujuh dimensi ini dianggap positif oleh pelajar Muslim UniSZA. Dimensi-dimensi sama ada bercirikan agama secara langsung atau tidak langsung menunjukkan kedominannya. Hal demikian bermaksud sebahagian pelajar mempunyai tanggapan yang baik terhadap dimensi-dimensi pemilihan pelaburan DUAJ.

### 3. Tahap Persepsi Pelajar Muslim Unisza Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Amanah Islam (DUAJ)

Jadual 5 menunjukkan semua dimensi mencatatkan nilai min yang tinggi. Dimensi keyakinan dan ibadat ( $M=5.06$ ) dilihat sebagai dimensi yang paling menonjol berbanding pertimbangan halal, haram dan *syubhah* ( $M=4.57$ ), perkhidmatan ( $M=4.53$ ), pulangan *maslahat* ( $M=4.42$ ), ciri-ciri produk ( $M=4.40$ ), pemasaran ( $M=4.12$ ) dan kefahaman terhadap pelaburan DUAJ ( $M=3.85$ ).

Jadual 5: Tahap Persepsi Pelajar Muslim UniSZA Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan DUAJ

Pemboleh ubah	Dimensi	Min (Total)	Interpretasi
Kepatuhan Beragama	1. Pertimbangan halal, haram dan <i>syubhah</i>	4.57	Tinggi
	2. Keyakinan dan Ibadat	5.06	Tinggi
Intrinsik	1. Kefahaman terhadap pelaburan DUAJ	3.85	Tinggi
	2. Pulangan <i>maslahat</i> (kebaikan)	4.42	Tinggi
Ekstrinsik	1. Pemasaran	4.12	Tinggi
	2. Ciri-ciri produk	4.40	Tinggi
	3. Perkhidmatan	4.53	Tinggi

Tahap persepsi terhadap pelaburan DUAJ dalam kalangan pelajar Muslim diukur melalui jumlah min yang diperoleh daripada tujuh dimensi yang terdiri daripada faktor kepatuhan beragama, faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Dimensi-dimensi tersebut ialah faktor kepatuhan beragama merangkumi pertimbangan halal, haram dan *syubhah* serta keyakinan dan ibadat. Faktor intrinsik merangkumi kefahaman terhadap pelaburan DUAJ dan pulangan *maslahat* (kebaikan). Faktor ekstrinsik pula terdiri daripada pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan. Kesemua dimensi ini berfungsi sebagai alat analisis bagi menilai kepatuhan syariah pelajar Muslim UniSZA terhadap faktor pemilihan pelaburan DUAJ.

Jadual 5 menunjukkan bahawa keyakinan dan ibadat ( $M=5.06$ ) merupakan faktor yang paling dominan bagi persepsi pelajar terhadap pemilihan pelaburan DUAJ. Ini memperlihatkan bahawa pelajar tidak menitikberatkan aspek keuntungan semata-mata tetapi turut mempertimbangkan manfaat lain daripada penyertaan dalam pelaburan DUAJ.

Dimensi kedua yang dominan adalah pertimbangan halal, haram dan *syubhah*. Pelajar turut mementingkan dimensi ini dalam pemilihan pelaburan DUAJ. Ketiga ialah dimensi perkhidmatan menjadi faktor pemilihan pelaburan DUAJ. Dimensi perkhidmatan merangkumi kemudahan di premis agensi, lokasi, kecekapan perkhidmatan, layanan kakitangan yang mesra dan prosedur tuntutan yang mudah. Keempat, dimensi pulangan *maslahat*. Responden tertarik kepada pelaburan DUAJ kerana pulangan *maslahat* yang diperolehi kesan daripada pemilihan pelaburan DUAJ tersebut.

Kelima, dimensi ciri-ciri produk yang merangkumi kesesuaian perkhidmatan pelaburan, sistem yang sederhana dan mudah serta jaminan kerahsian maklumat peserta dan jenis pelaburan yang berisiko rendah.

Terdapat dua dimensi yang berada di tahap yang rendah iaitu kefahaman terhadap pelaburan DUAI dan pemasaran. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai kefahaman yang baik terhadap pelaburan DUAI sekali gus tidak mempengaruhi pemilihan

pelajar terhadap pelaburan DUAI. Justeru, pemasaran juga tidak mempengaruhi persepsi pelajar Muslim UniSZA terhadap pelaburan DUAI. Ini bermaksud promosi yang diadakan masih belum berkesan terhadap pelajar.

**4. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI)**

Jadual 6 menerangkan pengaruh intrinsik dan ekstrinsik melalui analisis regresi berganda terhadap tahap pemilihan. Dapatan menunjukkan bahawa secara serentak intrinsik dan ekstrinsik memberikan sumbangan pengaruh hanya sebanyak 16.3% ( $R^2 = 0.163$ ) dan bakinya sebanyak 83.7% dipengaruhi oleh faktor lain misalnya kepatuhan beragama. Sedangkan secara berasingan ekstrinsik memberikan sumbangan pengaruh yang besar terhadap pemilihan pelaburan DUAI iaitu sebanyak 30.8% manakala faktor intrinsik pula sebanyak 13.2%.

Jadual 6: Keputusan Regresi Berganda Antara Faktor Intrinsik dan Ekstrinsik Terhadap Pemilihan Pelaburan DUAI

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.	R <sup>2</sup>	F	Kolineariti	
	B	Std. Error	Beta					Toleran	VIF
(constant)	2.427	.245		9.888	.000	.163	28.887		
Intrinsik	.116	.060	.132	1.941	.053			.610	1.640
Ekstrinsik	.314	.069	.308	4.525	.000			.610	1.640

Jadual 6 menerangkan pengaruh intrinsik dan ekstrinsik melalui analisis regresi berganda terhadap tahap pemilihan. Dapatan menunjukkan bahawa secara serentak intrinsik dan ekstrinsik memberikan sumbangan pengaruh hanya sebanyak 16.3% ( $R^2 = 0.163$ ) dan bakinya sebanyak 83.7% dipengaruhi oleh faktor lain misalnya kepatuhan beragama. Sedangkan secara berasingan ekstrinsik memberikan sumbangan pengaruh yang besar terhadap pemilihan pelaburan DUAI iaitu sebanyak 30.8% manakala faktor intrinsik pula sebanyak 13.2%. Hal ini bererti bahawa institusi DUAI perlu lebih memberi perhatian terhadap faktor ekstrinsik bagi meningkatkan pelaburan DUAI di samping memberi penekanan terutamanya pada item dimensi ciri-ciri produk dan perkhidmatan iaitu jaminan kerahsiaan maklumat pelabur dan layanan kakitangan institusi DUAI.

Jadual 7: Keputusan Regresi Berganda Faktor Kepatuhan Beragama Terhadap Pemilihan Pelaburan DUAI

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.	R <sup>2</sup>	F
	B	Std. Error	Beta				
(constant)	2.731	.333		8.196	.000	0.038	21.699
Kepatuhan Beragama	.320	0.069	0.261	4.658	.000		

Jadual 7 memperlihatkan pengaruh faktor kepatuhan beragama terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Dapatan menunjukkan bahawa faktor kepatuhan beragama mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Hal demikian kerana sumbangan kepatuhan beragama sebanyak 26.1%. Pernyataan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pemahaman pelajar terhadap agama Islam mempengaruhi tahap pemilihan pelaburan DUAI.

Untuk itu pihak institusi DUAI perlu menggiatkan usaha dalam mengenalkan pelaburan DUAI dengan pendekatan ceramah agama dan mengadakan seminar tentang pelaburan DUAI terhadap pelajar.

Jadual 8: Analisis Regresi Berganda Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pelaburan DUAI

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.	R <sup>2</sup>	F	Kolineariti	
	B	Std. Error	Beta					Toleran	VIF
(constant)	2.045	.335		6.101	.000	.171	20.301		
Kepatuhan beragama	.122	.073	.099	1.668	.096			.794	1.260
Intrinsik	.109	.060	.124	1.827	.069			.607	1.642
Ekstrinsik	.273	.073	.268	3.730	.000			.543	1.843

Jadual 8 menunjukkan bahawa faktor kepatuhan beragama, intrinsik dan ekstrinsik secara serentak menyumbang sebanyak 17.1% ( $R^2 = 0.171$ ), sedangkan sebanyak 82.9% dipengaruhi oleh faktor lain. Secara berasingan pula,



kesemua faktor mempunyai signifikan terhadap tahap pemilihan pelaburan DUAI. Faktor ekstrinsik memberi sumbangan yang paling tinggi sebanyak 26.8% berbanding faktor kepatuhan beragama dan intrinsik masing-masing sebanyak 9.9% dan 12.4%. Hal demikian bermakna pengaruh faktor ekstrinsik lebih dominan berbanding faktor kepatuhan beragama dan intrinsik. Ini menunjukkan pelajar lebih menitikberatkan pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, hasil analisis terhadap faktor pemilihan pelaburan DUAI pelajar Muslim UniSZA berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesemua faktor mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Faktor ekstrinsik yang diutamakan oleh pelajar Muslim UniSZA ialah ciri-ciri produk dan perkhidmatan menjadi pertimbangan dalam pemilihan pelaburan DUAI sekali gus menjadi hasil penemuan utama dalam kajian ini.

## PENUTUP

Penemuan penting dalam kajian ini ialah ekstrinsik yang mempengaruhi pemilihan pelaburan DUAI. Pengendali DUAI perlu memainkan peranan penting dengan melancarkan dasar supaya penglibatan terhadap pelaburan DUAI meningkat dengan memberi perhatian kepada ciri-ciri produk dan mengikuti perkembangan semasa.

Oleh yang demikian, usaha memberi kefahaman dan promosi perlu dijalankan secara berterusan agar masyarakat mendapat maklumat penting mengenai pelaburan DUAI. Begitu juga dengan pertimbangan halal, haram dan *syubhah*, pengendali perlu lebih memberi penekanan tentang kepentingan elemen halal, haram dan *syubhah*.

Di samping itu, terdapat beberapa perkara berkenaan yang boleh dikaji pada masa hadapan. Perkara tersebut merangkumi subjek kajian iaitu; Pertama, melihat kepada persepsi pelajar bukan Islam. Kedua, teknik penyelidikan dengan menggunakan teknik temubual secara mendalam. Ketiga, skop kajian yang menggunakan pelabur sebenar sebagai responden.

## BIBLIOGRAFI

- Adnan, A. A. (2010). Penentu pemilihan institusi perbankan Islam dalam kalangan Muslim di Terengganu. *Unpublished Ph. D Thesis*. Universiti Sains Malaysia.
- Alwi, S., Ahmad, R., Hashim, I. Z. A., & Naim, N. M. (2019). Investigating the Islamic and conventional mutual fund performance: Evidence from Malaysia equity market. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 15(7), 371-384.
- Arif, M., Samim, M. M., Khurshid, M. K., & Ali, A. (2019). Islamic versus conventional mutual funds performance in Pakistan; Comparative analysis through performance measures and DEA approach. *European Online Journal of Natural and Social Sciences*, 8(1), pp-76.
- Atta, A. A. B., & Marzuki, A. (2019). The determinants of Islamic mutual fund flows: Evidence from Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Economics and Finance*, 1(1), 10-21.
- Bakar, R. A., Nawāwī, A., & Salin, A. S. A. P. (2015). Determinants of lower bumiputera participation in the variable-price unit trust investments. *International Academic Research Journal of Social Science*, 1(1), 58-66.
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM). 2005. *Urus Niaga Unit Amanah. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur.
- Fikri, S. M., & Yahya, M. H. (2019). The Fund Characteristics, Fees, And Expenses Structure Between Conventional and Islamic Mutual Fund. *Asian Academy of Management Journal of Accounting & Finance*, 15(1).
- Hafis, M. H., & Kitri, M. L. (2019). The Effect of Religiosity and Sharia Financial Literacy Towards The Usage of Sharia Investments. *Proceeding Book of The 4th ICMEM 2019 and The 11th IICIES 2019*, 7-9 August 2019, Bali, Indonesia.
- Isa, M. Y. B. M., Azzahra, H., & Mohamed, Z. (2019). Islamic Mutual Funds Promotional Activities: Normal Approximation of Binomial Distribution and Type I Error. *Journal of ISOSS*, 5(2), 85-91.
- Ismail, M. Y., & Hassan, A. A. H. (2006). Instrumen pasaran modal islam di Malaysia: Kajian khusus. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 19, 71-92.
- Jamaludin, N., Smith, M., & Gerrans, P. (2012). Mutual fund selection criteria: evidence from Malaysia. *Asian Review of Accounting*, 20(2), 140-151.
- Jawada, M., & Ellouz, S. (2019). Impact of religious experiences on Islamic stock market return. *International Journal of Financial Innovation in Banking*, 2(3), 250-277.
- Mohammed Kamil, N., Subramaniam, M., Ali, H. E., Musah, M. B., & Alex, A. (2018). Factors influencing the selection of unit trust funds among Malaysian retail investors. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 9(2), 155-170.
- Kaur, I. (2018). Effect of mutual funds characteristics on their performance and trading strategy: A dynamic panel approach. *Cogent Economics & Finance*, 6(1), 1493019.
- Lestari, I. P., Ginanjar, W., & Warokka, A. (2021). Multidimensional Risk and Religiosity Towards Indonesian Muslims'sharia Investment Decision. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 7(2), 369-400.
- Mahdzan, N. S., Zainudin, R., Che Hashim, R., & Sulaiman, N. A. (2017). Islamic religiosity and portfolio allocation: the Malaysian context. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 10(3), 434-452.
- Manap, J. H., Hamzah, A., Noah, S. M., & Kassan, H. (2004). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti religiositi daripada perspektif Islam. *Islam: Past, Present and Future*, 349.

- Nafees, B., Qamar, M. A. J., & Ahmed, N. (2018). Lucrativeness of Islamic vs conventional mutual funds in Pakistan. *Pakistan Business Review*, 19(4), 861-876.
- Naveed, F., Khawaja, I., & Maroof, L. (2020). Are Islamic mutual funds exposed to lower risk compared to their conventional counterparts? Empirical evidence from Pakistan. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 12(1), 69-87.
- Nurjanah, I. M., Muhammad, I. F., & AB, M. D. (2020). The Effect of E-Marketing with the AISAS Model on Shariah Mutual Fund Investment Decisions at Bibit Mutual Fund Fintech. *Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syariah*, 8(1), 28-43.
- Rahim, S. H. A., Rashid, R. A., & Hamed, A. B. (2016). Islamic financial literacy and its determinants among university students: An exploratory factor analysis. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(7), 32-35.
- Ramli, Z. (2010). Ketersampaian Masyarakat Tani Kepada Pelaburan Saham Amanah. *e-BANGI*, 5(1), 11.
- Rehan, R., Naz, S., Umer, I., & Ahmed, O. (2018). Awareness and Perception of Investors Towards Mutual Funds Industry. *RADS Journal of Social Sciencess & Business Management*, 5(1), 01-14.
- Securities Commission Malaysia (SC). 2011, 2016 & 2021. Annual Report. Kuala Lumpur.
- Tripathi, S. 2020. An Empirical Study Of Mutual Fund Awareness Among The People Of Ahmedabad. *A Global Journal of Interdisciplinary Studies* 3(2), 88-102.
- Zahri, M. A., 2019. Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Amanah Islam. (*Unpublished Ph.D Thesis*, Universiti Sains Malaysia.
- Zahri, M. A., Melzatia, S., Sari, M. D., & Yahaya, S. (2020). Awareness and Marketing in Islamic Unit Trust Fund Investment among Muslim Investors. *Talent Development & Excellence*, 12(1).

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah</b> <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
<b>Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia</b>	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
<b>Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)</b>	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
<b>Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam</b>	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
<b>Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur</b>	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
<b>Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia</b>	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
<b>Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia</b>	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
<b>Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis</b>	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يخل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

*The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks*

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

**Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam**

84-93

*The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis*

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong